

Jumlah masih rendah, Perkeso gesa Orang Berinsurans dapatkan rawatan di PRP

7,800 pencarum berjaya dipulihkan

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

MELAKA – Sebanyak 7,800 pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang mengalami kecacatan akibat kemalangan dari tahun 2014 sehingga kini berjaya dipulihkan di Pusat Rehabilitasi Perkeso (PRP) Tun Abdul Razak, di sini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perkeso, Datuk Dr. Hafez Husain berkata, jumlah keseluruhan pencarum yang telah mendapatkan rawatan pemulihan di seluruh negara pula sebanyak 9,500 orang.

“Bagaimanapun, jumlah itu masih belum mencukupi apabila statistik kemalangan setiap tahun menunjukkan Orang Berinsurans (OB) yang dipulihkan tidak mencapai 15 peratus daripada statistik terbabit.

“Ini kerana masih ramai OB di luar sana yang belum menerima rawatan rehabilitasi secara komprehensif dan saya menyeru golongan tersebut untuk mengambil tahu akan hak mereka jika memerlukan rawatan di PRP,” katanya.




HAFEZ

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena program Perkeso's Media Fam Trip 2022 di PRP Tun Abdul Razak di sini kelmarin.

Sementara itu, Hafez juga memaklumkan, PRP terbaharu yang akan ditubuhkan di Ipoh, Perak dijangka siap sepenuhnya menjelang Oktober 2024.

“Cadangan pembinaan pusat terbabit sudah mendapat kelulusan di peringkat Parlimen dan Jemaah Menteri selain memperoleh bajet berjumlah RM500 juta daripada Perkeso.

“Pembinaan pusat rehabilitasi



SEBAHAGIAN pencarum Perkeso yang menjalani rawatan pemulihan di PRP Tun Abdul Razak, Melaka.

– MOHD FARIZWAN HASBULLAH

baharu itu bakal menempatkan 700 orang menerima rawatan pada satu masa selain dapat meningkatkan perkhidmatan

terkini seperti Neuro-Robotics dan Cybernetics,” katanya.

Jelasnya, perkhidmatan Neuro-Robotics dan Cybernetics adalah

satu pencapaian membanggakan kerana Malaysia menjadi negara keempat di dunia yang menggunakan teknologi tersebut.